

**Abdullah Yakin BN Pulau Pinang Boleh Menang  
Bernama  
27 April, 2013**

BUKIT MERTA JAM, 27 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) boleh menang di Pulau Pinang pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Beliau berkata keyakinan ini bersandarkan kesungguhan jentera parti yang bertungkus-lumus melaksanakan tugas tanpa mengira penat lelah sejak tiga tahun lepas.

"Selain itu, calon yang dipilih juga memberi komitmen yang tinggi dan berdedikasi bagi memastikan kemenangan serta kejayaan BN di negeri ini.

"Saya akui memang agak sukar sedikit tetapi saya yakin dengan kesungguhan semua pihak, terutama jentera pilihan raya, BN mampu beri saingan dan menang di Pulau Pinang," katanya kepada pemberita selepas bertemu jentera pilihan raya BN Permatang Pauh Sabtu.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh Datuk Abdul Jalil Abdul Majid dan calon BN bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh Dr Mazlan Ismail, yang berdepan penyandang Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdullah juga berkata sudah tiba masanya pengundi di kawasan Permatang Pauh memberi peluang kepada BN untuk mentadbir Parlimen berkenaan dan membangun serta menjaga kebajikan penduduk setempat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945697>